

08 JAN 2000

Mahathir-Cuti

DR MAHATHIR BERCUTI TIGA MINGGU

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau akan bercuti selama 14-hari bermula 12 Jan dan diikuti lawatan kerja selama seminggu lagi.

Dr Mahathir berkata, semasa beliau bercuti timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjalankan tugas-tugas beliau tetapi bukan dalam kapasiti sebagai pemangku Perdana Menteri.

"Biasanya apabila saya pergi ke luar negara, timbalan akan mengambil alih. Beliau (Abdullah) hanya akan menjalankan tugas...bukan sebagai pemangku Perdana Menteri," kata beliau kepada pemberita di kediaman rasminya Sri Perdana, di sini.

Dr Mahathir berkata, semasa lawatan kerja seminggu pula beliau akan menghadiri Forum Ekonomi Dunia Tahunan dan Mesyuarat Antara Budaya di Davos, Switzerland.

Mengenai mesej Hari Raya, Dr Mahathir berkata beliau bimbang akan "implikasi serius" terhadap negara jika rakyat tidak bersyukur dan diajar pula supaya tidak bersyukur bagi apa yang mereka telah terima.

Dr Mahathir berkata, rakyat sebelum ini selalu bersyukur "tetapi kini mereka tidak begitu."

"Sudah tentu, mereka berhak untuk berasa tidak bersyukur tetapi dalam masyarakat yang tiada siapapun bersyukur, tidak akan ada kestabilan, tiada keamanan."

"Rakyat mesti belajar bersyukur, jika tidak tiada siapapun akan menikmati keamanan," kata beliau.

-- BERNAMA

ES PR